



Kenali tokoh mujahid gigih berjuang

buku *Biografi Sarjana Muslim Timur Tengah Abad 19 dan 20* menyediakan peluang kepada pembaca untuk berkenalan dengan mereka.

Perkenal tokoh ulama

Buku ini juga adalah kesinambungan daripada buku yang ditulis bagi memperkenalkan tokoh ulama yang gigih berjuang serta menghambakan keseluruhan hidup mereka untuk meninggikan agama Allah SWT serta menyebarkan syiar Islam.

Tokoh ilmuwan Islam memberi sumbangan besar khususnya dalam bidang penulisan dengan berkongsi ilmu pengetahuan mereka supaya masyarakat selepasnya tidak berdepan masalah sebaliknya boleh merujuk hasil karya mereka.

Sebagai manusia, tokoh berkenaan tidak dapat lari daripada dugaan serta kritikan, justeru keteguhan semangat mereka wajar dijadikan pendorong kepada ilmuwan hari ini supaya dapat menghasilkan karya setanding tokoh terdahulu.

Prof Dr Wahbah Mustafa al-Zuhayli berkata, mengenali tokoh ilmu yang masyhur adalah profesion penting dan banyak kebaikan yang dapat diperolehi. Selain itu, mengetahui ketokohan mereka terkandung pelbagai keistimewaan termasuk mengambil contoh baik daripada mereka.

Buku *Biografi Sarjana Muslim Timur Tengah Abad 19 dan 20* memberi peluang pembaca mengenali tokoh mujahid yang menghambakan diri kepada dakwah Islam sepanjang hidup mereka supaya perjuangan itu menjadi ikutan generasi hari ini.

Menampilkan lapan tokoh antaranya pembina Madrasah Hadis Zaman Moden di Syria, Muhammad Badaruddin al-Hasani; tokoh tafsir dan ilmu maqasid dari Tunisia, Muhammad Tahir bin 'Ashur dan tokoh penyingkap penyelewengan pemikiran semasa, Abdul Rahman Habannakah al-Madyani.

Bagi yang kurang mengkaji, nama-nama itu mungkin agak asing tetapi

Biografi Sarjana Muslim Timur Tengah Abad 19 dan 20

- **Penulis:** Mohd Rumaizudin Ghazali
- **Penerbit:** Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)
- **Pengulas:** Hasliza Hassan
- **Harga:** RM28